

## KERATAN AKHBAR

JUDUL : Portal Kedah.gov.my

TARIKH : Ahad, 1 Mac 2015

### Perpustakaan Desa Paya Mat Inson



PENDANG 11 Mac – Menteri Besar, YAB. Dato' Seri Haji Mukhriz Tun Mahathir menayakan sesi bercerita bersama 100 kanak-kanak di sekitar kawasan Pendang pada majlis perasmian Perpustakaan Desa Paya Mat Inson bersempena Program Mesra Rakyat Peringkat Daerah Pendang.

Pelbagai aktiviti lain turut diadakan seperti pertandingan mewarna, silangkata jawi dan puzzle jawi khas untuk kanak-kanak yang bertujuan untuk menyemai usaha dalam memupuk minat membaca serta meningkatkan daya pemikiran yang kreatif dan inovatif.

Perpustakaan Desa Paya Mat Inson merupakan perpustakaan desa persekutuan ke-57 yang dibina di Negeri Kedah dan yang ke-507 di seluruh Malaysia. Perpustakaan desa ini siap dibina pada tahun 2014 dan menawarkan perkhidmatan seperti peminjaman dan sirlukasi, rujukan, pendaftaran keahlian serta perkhidmatan penggunaan komputer/teknologi maklumat dan internet.

Melalui program ini, kewujudan Perpustakaan Desa Bukit Mak Inson dapat diwar-warkan kepada masyarakat setempat dan diharapkan masyarakat setempat dapat menggunakan kemudahan dan perkhidmatan yang ditawarkan secara optimum bagi membantu mengubah sosio budaya kepada yang lebih proaktif seperti dapat melahirkan masyarakat yang berpengetahuan tinggi, berfikiran kreatif, kritis dan inovatif.

Turut hadir dalam majlis itu ialah Pengerusi Jawatankuasa Penerangan, Pembangunan Luar Bandar dan Pembasmian Kemiskinan, YB. Datuk Mohd Tajudin Abdullah; Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Kebajikan Masyarakat, Pertanian dan Asas Tani serta Pembangunan Usahawan, YB. Dato' Suraya Yaacob; Speaker Dewan Undangan Negeri Kedah, YB. Dato' Paduka Md. Rozai Shafian serta Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia, Puan Hajjah Nafisah Ahmad.